

5. **Keadaan Perubatan Sedia Ada**
6. Sengaja mendedahkan diri kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
7. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/ atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau Kerumitan berkaitan AIDS (ARC) walau apa sebabnya dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatannya tidak kira apa puncanya.
8. Penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau kekacauan awam, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada **Peperangan** diisytiharkan atau tidak) pemberontakan, revolusi, kebangkitan atau kuasa tentera atau rampasan kuasa.
9. Radiasi pengionan atau pencemaran akibat keradioaktifan daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada bahan buangan nuklear akibat pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk proses pembelahan nuklear yang swakekal.
10. **Peperangan, Perang** Saudara – sama ada diisytiharkan atau tidak.
11. Sebarang tindakan keganasan.
12. Sekatan – **Kami** hendaklah tidak dianggap sebagai memberikan perlindungan atau membuat sebarang bayaran atau menyediakan sebarang perkhidmatan atau manfaat kepada mana-mana **Peserta** atau **Orang Dilindungi** atau pihak lain sehinggakan perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, manfaat tersebut akan mencabuli mana-mana sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan yang berkenaan.
13. Wabak dan/atau pandemik.
14. Sebarang kejadian lain yang dilarang di bawah prinsip Syariah.

\* Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil kontrak untuk senarai lengkap pengecualian di bawah sijil ini.



**ZURICH**  
TAKAFUL

Pelan ini diunderait oleh Zurich Takaful

#### Penafian

*M-Tiara Smart PA ialah rangkaian produk oleh Zurich Takaful Malaysia Berhad (731996-H). Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) hanyalah merupakan pengedar produk ini. Produk ini bukan deposit bank dan bukan tanggungan atau dijamin atau dilindungi oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad. Produk ini ialah tanggungan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Semua pertanyaan berkaitan produk ini hendaklah dibuat kepada Zurich Takaful Malaysia Berhad.*

*Jika terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan sah diguna pakai.*

**Bank Muamalat Malaysia Berhad** (6175-W)  
Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.  
Talian Percuma : 1-300-88-8787  
Laman Web : [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)

mybankmuamalat

BankMuamalatMalaysiaBerhad



# M-TIARA SMART PA TAKAFUL

## Ketenangan Fikiran



## Perlindungan

Menyediakan perlindungan 24 jam sehari, di seluruh dunia bagi kematian atau kecederaan badan yang disebabkan semata-mata dan sepenuhnya oleh kemalangan, melainkan dikecualikan secara khusus.

## Jadual Manfaat

Manfaat	Keterangan	Jumlah Dilindungi (RM)
A	Manfaat Keterangan Jumlah Dilindungi	70,000
B	Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan	100 sehari, maksimum 30 hari
C	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	2,000
D	Yuran Ambulans (Kemalangan)	400
E	Perbelanjaan Pengebumian (Kemalangan)	2,000
F	Badal Haji (Kemalangan)	1,500
<b>Sumbangan Tahunan Setiap Ahli</b>		<b>100.00</b>

\* Sila rujuk kepada kontrak Sijil untuk keterangan manfaat di bawah Sijil ini. Tempoh perlindungan ialah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan takaful anda setiap tahun.

\* Sumbangan di atas akan dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan 6%.

## Keterangan Manfaat

### MANFAAT A – Kematian Akibat Kemalangan dan Kehilangan Upaya Kekal

Jika Orang Dilindungi mengalami Kecederaan Badan, yang dalam tempoh 12 bulan menyebabkan kematian atau kehilangan upaya seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di dalam ini, peratus jumlah modal yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat akan dibayar dengan sewajarnya.

### MANFAAT B – Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan

Jika Orang Dilindungi mengalami Kecederaan Badan dan akibatnya, dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar, jumlah harian yang dinyatakan dalam Jadual Sijil akan dibayar untuk setiap hari Orang Dilindungi menginap di Hospital.

### MANFAAT C – Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan

Jika Orang Dilindungi mengalami Kecederaan Badan dan menanggung perbelanjaan perubatan dan pembedahan dalam masa dua belas (12) bulan berturut-turut dari tarikh Kemalangan, perbelanjaan yang ditanggung akan dibayar balik bagi setiap Kemalangan sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Perbelanjaan perubatan dan pembedahan hendaklah dibayar oleh Orang Dilindungi kepada doktor gigi, Pakar Perubatan atau Hospital untuk rawatan Kecederaan Badan, tetapi tidak termasuk kos rawatan pergigian melainkan rawatan tersebut adalah untuk kecederaan kepada gigi semula jadi dan sihat.

### MANFAAT D – Yuran Ambulans

Jika Orang Dilindungi mengalami Kecederaan Badan, yang memerlukan penggunaan ambulans, kos ambulans sebenar yang ditanggung oleh Orang Dilindungi akan dibayar balik sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Sijil bagi pengangkutan ke Hospital.

### MANFAAT E- Perbelanjaan Pengebumian

Jika Orang Dilindungi mengalami Kecederaan Badan, yang dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian, jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Sijil akan dibayar.

### MANFAAT F- Badal Haji

Jika Orang Dilindungi mengalami Kecederaan Badan, yang dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut menyebabkan kematian, jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Sijil akan dibayar sebagai elaun bagi ahli keluarga untuk melaksanakan Badal Haji.

## Tempoh Takaful

Satu tahun.

## Kelayakan

Usia antara 16 - 65 tahun dan boleh diperbaharui sehingga usia 75 tahun. Semua usia merujuk kepada hari jadi seterusnya Orang Dilindungi.

## Pengecualian Utama

Zurich Takaful Malaysia Berhad tidak bertanggungjawab terhadap tuntutan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berlaku kerana:-

1. **Orang Dilindungi** terlibat dalam atau mengambil bahagian dalam:
  - a. Perkhidmatan atau operasi tentera darat, laut atau udara;
  - b. Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur;
  - c. Memanjat batu dan mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu, meneroka gua, seni mempertahankan diri atau bertinju, aktiviti bawah air pada kedalaman melebihi lima puluh (50) meter, geluncur angin, terjun bungee, payung terjun dan segala bentuk perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
  - d. Perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki penerbangan syarikat yang diiktiraf yang mengendalikan laluan udara berjadual dan perjalanan udara menerusi sebarang pesawat sewa yang mempunyai lesen sewajarnya sebagai syarikat penerbangan diiktiraf dan diterbangkan oleh kru profesional antara lapangan terbang yang sedia ada dan disenggarakan dengan sewajarnya;
  - e. Tindakan jenayah dan sebarang aktiviti haram;
2. Mabuk akibat pengambilan alkohol atau dadah melainkan dadah tersebut diambil di bawah arahan pengamal perubatan berkelayakan yang sah di sisi undang-undang dengan syarat tujuannya bukan untuk rawatan ketagihan dadah.
3. Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi, kecederaan yang disengajakan, bunuh diri atau percubaan bunuh diri atau sebarang percubaannya dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
4. Kehamilan, melahirkan anak, keguguran, gigitan nyamuk, penyakit, kesakitan atau gangguan perubatan